

14/10/2003

Keselamatan: Delegasi ketua kerajaan beri kerjasama

MESYUARAT peringkat Menteri-menteri Luar negara anggota OIC ke-10 yang bermula semalam, berjalan lancar walaupun kawalan keselamatan ketat ke atas delegasi dan lokasi persidangan.

Pengarah Keselamatan Lokasi, Senior Asisten Komisioner I Muhamad Muda, berkata pihaknya berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh delegasi dengan mematuhi prosedur keselamatan.

Contohnya, ada kes delegasi membawa senjata api dan mereka memberikan kerjasama sepenuhnya kepada polis, sama ada menyerahkan senjata masing-masing atau berada di luar dewan persidangan.

"Walaupun kita mengadakan kawalan ketat serta pemeriksaan ke atas setiap delegasi, mereka memberikan kerjasama baik," katanya ketika ditemui di Pusat Kawalan di Polis Pusat Konvensyen Putrajaya di sini, semalam.

Polis menempatkan kira-kira 500 pegawai dan anggota di PCC bagi mengawal keselamatan sepanjang lapan hari persidangan yang bermula Sabtu lalu.

Anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) yang lengkap bersenjata ditugaskan mengawal di luar bangunan persidangan, manakala anggota lain dalam PCC.

Polis Marin juga meronda di tasik yang mengelilingi pusat persidangan, selain pemantauan udara oleh Unit Udara Polis. Ia sebahagian daripada kira-kira 8,000 anggota yang ditugaskan mengawal PPC, tempat penginapan delegasi dan lokasi strategik di sekitar Putrajaya serta ibu negara.

Muhamad, yang juga Komander Marin Bukit Aman, berkata perjalanan Menteri Luar OIC dari tempat penginapan masing-masing ke Putrajaya pagi semalam juga berjalan lancar.

Katanya, anggota polis melaksanakan tugas masing-masing mengikut perancangan walaupun ada sedikit kelemahan yang perlu diperbetulkan menjelang acara kemuncak, Khamis ini.

Kira-kira 40 ketua negara OIC dan bukan anggota akan menghadiri majlis perasmian yang akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita akan mengadakan kawalan keselamatan maksimum pada hari perasmian bagi memastikan tiada sebarang kejadian tidak diingini," katanya.

Menjawab soalan, Muhamad berkata, sejak persidangan bermula pada Sabtu lalu, pihaknya tiada sebarang masalah berhubung aspek keselamatan berlaku.